

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	2/12/2018

Kerajaan sasar 200,000 pengguna sebulan

Kuala Lumpur: Kementerian Pengangkutan menyasarkan sekurang-kurangnya 200,000 pengguna sebulan mendaftar untuk Pas Perjalanan Tanpa Had My100 dan My50 menjelang Januari depan sekali gus dapat mengurangkan subsidi ditanggung kerajaan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook, berkata kerajaan memperuntukkan RM240 juta sebagai subsidi siling menyediakan pas perjalanan My100 dan My50.

"Untuk My100, bagi 10,000 pengguna jumlah subsidi yang ditanggung kerajaan adalah RM1 juta dan bagi 120,000 pengguna subsidi adalah RM12 juta.

"Bagi 130,000 pengguna, jumlah subsidi berkurang kepada RM11 juta dan untuk 200,000 pengguna subsidi menurun kepada RM4 juta," katanya selepas pelancaran

kad berkenaan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di sini, semalam.

Loke berkata, kedua-dua pas perjalanan tanpa had selama 30 hari yang dilancarkan bukan sahaja bertujuan menggalakkan lebih ramai orang menggunakan pengangkutan awam tetapi juga bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Katanya, pas perjalanan tanpa had yang dinamakan MY100 berharga RM100 boleh digunakan untuk semua perkhidmatan rel Rapid termasuk Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT), Monorel serta Sistem Bas Rapid Transit (BRT) Sunway dan semua perkhidmatan bas kendalian Rapid Bas di Lembah Klang, manakala MY50 berharga RM50 dan boleh digunakan untuk semua per-

khidmatan bas kendalian Rapid Bus di Lembah Klang.

"Pelaksanaan pas perjalanan tanpa had ini dijangka memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 45 peratus pengguna perkhidmatan Rapid Rel dan hampir 100 peratus pengguna perkhidmatan Bas Rapid di Lembah Klang dengan menawarkan penjimatan kos perjalanan yang sangat ketara.

"Sebagai contoh, pengguna perkhidmatan rel dan bas yang tinggal di Kajang dan bekerja di KLCC (Kuala Lumpur City Centre) perlu membayar sekitar RM280 sebulan atau RM6.40 bagi perjalanan satu hala (RM5.40 bagi perkhidmatan rel tanpa tunai dan RM1 bagi perkhidmatan bas pengantara).

"Dengan melanggan pas 30-hari tanpa had bernilai RM100, pengguna selepas ini dapat menjimat-

kan perbelanjaan sebulan sekurang-kurangnya hampir RM180," katanya.

Untuk rakyat tempatan sahaja

Beliau berkata, pas itu yang boleh digunakan mulai 1 Januari depan adalah satu keistimewaan untuk rakyat Malaysia sahaja dan hanya boleh dilanggan melalui kad MyKad atau kad MyTentera.

Katanya, pendaftaran boleh dibuat menerusi Touch 'n Go di semua stesen LRT dan MRT serta di empat hab bas iaitu Hab Bandar Shah Alam, Greenwood (Gombak), Sri Nilam (Ampang) dan Terminal Kajang.

"Tambah nilai bagi tempoh 30 hari seterusnya pula boleh dibuat di mana-mana lokasi tambah nilai Touch 'n Go seperti kiosk TnG, stesen minyak dan mesin juruwang automatik (ATM). Pemegang

MyKid iaitu kanak-kanak berusia tujuh hingga 12 tahun juga layak untuk pas ini," katanya.

Loke turut memperkenalkan 10 duta membabitkan atlet sukan terkenal antaranya ratu skuasy Datuk Nicol Ann David; Cheong Jun Hoong (juara dunia acara terjun 10 meter platform wanita); Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi (pemenang pingat emas sukan Paralimpik Rio 2016 acara 100m T36); Goh Liu Ying (pemenang pingat perak Sukan Olimpik Rio 2016 acara beregu campuran); Syaidatul 'Affah Binti Badrul Hamidi (Juara Dunia acara baling berpasukan wanita); Leong Mun Yee (pemenang pingat gangsa Sukan Komanwel 2018 acara 3m papan anjal seirama) dan Farah Ann Abdul Hadi (pemenang pingat emas Sukan SEA KL 2017 acara gimnastik artistik).

BH- 2/12/2018 m/s: 2